



محكمة كوتاهكاه شرعيه نكرى قولا وقينع

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (1)

Tarikh : 22 Julai 2014

25 Ramadhan 1435H


Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 5 TAHUN 2014
PENYEDIAAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEBELUM PERBICARAAN**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 Tahun 2013 pada 20 Disember 2013 telah bersetuju dan memutuskan bahawa:-

Bagi kes-kes yang akan dibicarakan penuh oleh kedua-dua pihak yang menggunakan khidmat Peguam Syarie sama ada peguam Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau swasta, hendaklah memfailkan dokumen-dokumen berikut sebelum perbicaraan dalam apa-apa tempoh yang patut yang diarahkan oleh Mahkamah:-



1. Ikatan Pliding yang mengandungi:- (difailkan oleh Plaintiff)
 - a) Saman/ Saman Ganti/ Saman terpinda/ Saman Luar Bidangkuasa (jika berkaitan);
 - b) Penyata tuntutan beserta lampiran yang berkaitan;
 - c) Afidavit penyampaian (jika ada) ;
 - d) Penyata pembelaan dan tuntutan balas (jika ada);
 - e) Jawapan kepada pembelaan dan pembelaan kepada tuntutan balas (jika ada); dan
 - f) Apa-apa perintah (jika ada).

2. Ikatan dokumen;
 - a) Ikatan dokumen yang dipersetujui atas keesahan dan kandungan (*Peguam Plaintiff perlu mendapatkan kerjasama daripada Peguam Defendan bagi menyediakan dan memfailkan Ikatan dokumen yang dipersetujui*) (Contoh: Surat perakuan nikah/ cerai, sijil kelahiran);
 - b) Ikatan dokumen yang dipersetujui keesahannya sahaja tetapi kandungannya dipertikai (Contoh: Penyata gaji suami namun potongannya dipertikai); dan
 - c) Ikatan dokumen yang tidak dipersetujui keesahan dan kandungannya. (Contoh: Cetakan "sms").

3. Senarai fakta yang dipersetujui; dan
(Contoh: Pihak-pihak bersetuju mengenai tarikh perkahwinan dan perceraian, jumlah anak, harta sebagai harta sepencarian).

4. Senarai isu yang hendak dibicarakan:
(Contoh: Jumlah bahagian masing-masing terhadap harta sepencarian, sebab-sebab fasakh sama ada dipukul dan sebagainya).

5. Semua dokumen tersebut hendaklah diberi nombor di sebelah atas kanan dokumen secara berturutan bermula daripada nombor 1 hingga seterusnya.


Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang